## JADUAL (Sambungan)

| *Bil* | *Butiran* | *Fi Mahkamah Rendah Syariah* (RM) | *Fi Mahkamah Tinggi Syariah* (RM) | *Fi Mahkamah Rayuan Syariah* (RM) | *Catatan* |
|---|---|---|---|---|---|
| | Terjemahan | | | | |
| 24. | Atas penyemakan, pembetulan dan pemerakuan terjemahan yang tidak dibuat oleh Jurubahasa Mahkamah | 5.00 ditambah RM1.00 untuk setiap folio | 5.00 ditambah RM1.00 untuk setiap folio | | |
| | Pejabat Bendahari Negeri | | | | |
| 25. | Atas perakuan tentang amaun atas transkrip tentang akaun bagi apa-apa wang, kumpulan wang atau sekuriti termasuk permintaan mengenainya | 4.00 | 4.00 | | |
| 26. | Atas pembayaran, penyerah- simpanan, pemindahan atau pendepositan kumpulan wang atau sekuriti dalam Mahkamah | 4.00 | 4.00 | | |
| 27. | Atas permintaan kepada Bendahari Negeri untuk mendapatkan maklumat secara bertulis berkenaan dengan apa-apa wang, kumpulan wang atau sekuriti dalam Mahkamah atau apa-apa transaksi dalam pejabatnya | 4.00 | 4.00 | | |
| | Penetapan Kos | | | | |
| 28. | Apabila menetapkan bil kos, jika— | | | | |
| | *(a)* amaun yang diperintahkan tidak melebihi RM1,000.00 | 4.00 | 4.00 | | |
| | *(b)* amaun yang diperintahkan melebihi RM1,000.00 bagi tiap-tiap RM1,000.00 tambahan yang dibenarkan atau pecahannya | 2.00 | 2.00 | | |
| 29. | Atas perakuan atau alokatur mengenai | 4.00 | 4.00 | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | keputusan penetapan itu | | |
| | Pelbagai | | |
| 30. | Apabila memfailkan apa-apa dokumen yang tidak diperuntukkan dalam Jadual ini | 4.00 | 4.00 |
| 31. | Atas apa-apa carian, termasuk pemeriksaan, bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya | 4.00 | 4.00 |
| 32. | Atas permohonan bagi pengemukaan rekod atau dokumen yang hendak diberikan sebagai keterangan— | | |
| | *(a)* jika rekod atau dokumen itu ditinggalkan di Mahkamah | 4.00 | 4.00 |
| | *(b)* jika seseorang pegawai dikehendaki mengemukakan rekod atau dokumen itu di Mahkamah | 20.00 | 40.00 |
| 33. | Atas permohonan bagi kehadiran seorang pegawai Mahkamah sebagai saksi bagi tiap-tiap setengah hari atau sebahagian daripadanya | 20.00 | 40.00 |
| 34. | Apabila memfailkan afidavit atau afidavit tambahan, bagi setiap orang yang membuatnya | 3.00 | 3.00 |
| | Dan bagi setiap ekshibit yang disebut dalamnya dan dikehendaki ditandakan | 1.00 | 1.00 |
| 35. | Apabila memperakui cabutan apa-apa dokumen, yang bukannya suatu penghakiman atau perintah, jika tiada fi ditetapkan dalam Jadual ini | 2.00 | 2.00 |
| | Penyampaian dan Pelaksanaan | | |
| 36. | *(a)* Bagi setiap percubaan untuk menyampaikan kepada setiap orang akan apa-apa proses atau prosiding yang dikehendaki disampaikan oleh | 2.00 | 2.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Mahkamah<br>*(b)* Dan jika lebih daripada 3 kilometer dari Mahkamah bagi tiap-tiap kilometer tambahan | 0.50 | 0.50 | |
| 37. | Bagi melaksanakan tiap-tiap perintah pelaksanaan, perintah pengkomitan, penangkapan atau penahanan harta | 10.00 | 10.00 | |
| 38. | Untuk melepaskan harta yang disita mengikut arahan pihak<br>yang mengeluarkan perintah pelaksanaan, penahanan, penangkapan atau penahanan harta | 5.00 | 5.00 | |
| 39. | Bayaran perkhidmatan sebanyak 4 peratus akan dikenakan ke atas RM1,000.00 yang pertama dan 2 peratus ke atas semua jumlah wang yang selebih daripada itu apabila dilevikan dengan cara penyitaan dan penjualan, apa-apa jumlah wang itu hendaklah termasuk bayaran perkhidmatan pelelong | | | Hendaklah ditolak oleh Pendaftar |
| 40. | Bayaran perkhidmatan sebanyak 2 peratus akan dikenakan ke atas semua wang yang diterima oleh Pendaftar di bawah notis *hiwalah* | | | Hendaklah ditolak oleh Pendaftar |
| 41. | Bayaran perkhidmatan sebanyak 1 peratus akan dikenakan ke atas semua wang yang diterima oleh Pendaftar sebagai penjelasan perintah penyitaan dan penjualan atau jika pelaksanaan ditarik balik, dijelaskan atau diberhentikan | | | Hendaklah ditolak oleh Pendaftar |
| 42. | Bayaran perkhidmatan sebanyak 1 peratus akan dikenakan ke atas anggaran nilai harta yang disita atau amaun yang dinyatakan dalam perintah itu, mengikut mana-mana yang kurang, jika pelaksanaan ditarik balik, dijelaskan atau diberhentikan | | | Hendaklah ditolak oleh Pendaftar |
| 43. | Bagi setiap seorang yang | Kos | Kos | Hendaklah |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | perlu ditugaskan untuk menjaga apa-apa harta di bawah penyitaan | Sebenar | Sebenar | | dibayar secara tunai kepada Pendaftar atau pembayaran terus mengikut baucer yang diperakui oleh Pendaftar |
| 44. | Untuk mengalihkan barangan atau binatang ke suatu tempat untuk simpanan selamat dan makanan yang diberikan | Kos Sebenar | Kos Sebenar | | Hendaklah dibayar secara tunai kepada Pendaftar atau pembayaran terus mengikut baucer yang diperakui oleh Pendaftar |
| 45. | Untuk mengiklankan dan memberi publisiti tentang penjualan dengan cara lelong<br><br>Nota—Dalam tiap-tiap kes yang pelaksanaannya ditarik balik, dijelaskan atau diberhentikan fi itu hendaklah dibayar oleh orang yang atas permintaannya penjualan itu diberhentikan, dan amaun apa-apa kos atau caj yang kena dibayar di bawah Jadual ini hendaklah ditetapkan oleh Hakim, sekiranya Pendaftar dan pihak yang bertanggungan membayar kos dan caj itu tidak bersetuju dengan amaun itu | Kos Sebenar | Kos Sebenar | | Hendaklah dibayar secara tunai kepada Pendaftar atau pembayaran terus mengikut baucer yang diperakui oleh Pendaftar |
| 46. | Permintaan bagi pembayaran keluar wang yang dibayar masuk ke dalam Mahkamah mengikut perintah ansuran jika wang itu melebihi RM1,000.00 kecuali bagi bayaran nafkah anak dan isteri | 2 peratus daripada jumlah wang yang dibayar keluar | 2 peratus daripada jumlah wang yang dibayar keluar | | Permintaan |

Dibuat 14 Rabiulakhir 1424H/15 Jun 2003
[MSNM 100-3(26); PUN(M)353/46/61]

| | |
|---|---|
| Y.A.A. TUAN MAHAMMAD BIN IBRAHIM<br>*Ketua Hakim Syarie,*<br>*Negeri Melaka* | DATUK NOR BEE BINTI ARIFFIN<br>*Penasihat Undang-Undang,*<br>*Negeri Melaka* |
| SAHIBUS SAMAHAH DATUK<br>HJ. RASHID REDZA BIN MD. SALEH<br>*Mufti,*<br>*Negeri Melaka* | DATUK MD. LATIP BIN SARRUGI<br>*Peguam Syarie,*<br>*Negeri Melaka* |
| ENCIK HASNOOR BIN SDG HUSIN<br>*Timbalan Pengerusi,*<br>*Majlis Agama Islam Melaka* | TUAN NAJIB BIN ZAKARIA<br>*Penasihat Undang-Undang,*<br>*Jabatan Kehakiman Syariah,*<br>*Malaysia* |